



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water

KENYATAAN MEDIA MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2021

1. Saya telah merasmikan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon Tahun 2021 yang diadakan di Hotel EQ, Equatorial Plaza Kuala Lumpur anjuran Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) pada hari ini.
2. Majlis ini bertujuan mengiktiraf komitmen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan-badan kerajaan dan organisasi swasta dalam pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) menerusi *program Low Carbon Cities 2030 Challenge* (LCC2030C).
3. Sebanyak **13 Zon Rendah Karbon dan 30 Rakan Kongsi Rendah Karbon** telah menerima pengiktirafan *Diamond* bagi inisiatif pengurangan pelepasan GHG dalam lima elemen utama, iaitu tenaga, air, sisa, mobiliti dan kehijauan. Selain itu, 22 penyertaan diberikan *Provisional Certificate* di atas usaha pembangunan data penanda aras dan pelan tindakan rendah karbon dalam kawasan zon dan rakan kongsi rendah karbon.
4. Secara keseluruhan, pengurangan pelepasan GHG yang dicatatkan pada tahun 2021 adalah sebanyak **157,923.23 tan karbon dioksida setara bagi zon rendah karbon** dan **12,975.85 tan karbon dioksida setara bagi rakan kongsi rendah karbon**.
5. Saya juga mengumumkan sebanyak **141 PBT** daripada 155 PBT seluruh negara telah menyertai Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK). KASA selaku peneraju agenda perubahan iklim akan terus mengukuhkan tindakan mitigasi dan adaptasi bagi menangani perubahan iklim menerusi pendekatan '*whole-of-nation*'.
6. Kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan akan terus diperkasa bagi memastikan keberkesanan dasar dan program berkaitan pembangunan bandar rendah karbon di Malaysia.

- Tamat -

YB Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man
Menteri Alam Sekitar dan Air

22 Mac 2022